

## KHUTBAH JUMAAT

### "MERAIH KEBERKATAN SYAABAN" (23 Februari 2024M/ 13 Syaaban 1445H)

---

الْحَمْدُ لِلّٰهِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تُقَاتَهُ وَلَا تُؤْتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

#### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Marilah kita menumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Cukup-cukuplah kita dengan perbuatan-perbuatan yang boleh menghilangkan ganjaran pahala Jumaat. Usah bercakap-cakap, simpanlah telefon bimbit untuk seketika. Semoga khutbah yang disampaikan dapat diambil panduan dan pesanannya. Marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk: "**Merah Keberkatan Syaaban**".

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Kini, kita berada dalam bulan Syaaban. Bulan yang mulia lagi berkat ini merupakan bulan yang mempunyai banyak kelebihan dan keistimewaannya. Bulan Syaaban adalah masa untuk kita membuat amalan kebaikan sebanyak mungkin sebagai latihan dan persediaan untuk kita menghadapi bulan Ramadan yang merupakan medan ibadah bagi umat Islam.

Pada bulan Syaaban juga terdapat satu malam yang sangat dinantikan oleh umat Islam iaitu malam ‘Nisfu Syaaban’. Sebabnya, pada malam tersebut Allah *subhanahu wata’ala* telah memberikan kelebihan kepada hamba-hamba-Nya dan memberi keampunan kepada mereka kecuali yang syirik kepada-Nya. Sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* menerusi hadisnya yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah *rahimahullah* daripada Abu Hurairah *radhiallahu anhu* :

((إِنَّ اللَّهَ لَيَطْلُعُ فِي لَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ فَيَغْفِرُ لِجَمِيعِ خَلْقِهِ إِلَّا لِمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاجِنٍ ))

**Maksudnya :** *Allah subhanahu wata’ala melihat kepada makhluk-makhlukNya pada malam nisfu sya’ban lalu mengampuni makhluk-makhlukNya kecuali orang yang musyrik dan orang yang bermusuhan.*

*(Hadis riwayat Imam Ibnu Majah)*

Untuk mencapai kelebihan pada bulan ini maka umat Islam dianjurkan untuk melakukan pelbagai ibadah antaranya:

**Pertama:** Melakukan ibadah puasa sunat. Inilah ibadah yang sangat diutamakan oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* pada bulan yang mulia ini. Ambillah peluang ini untuk membiasakan diri kita dengan ibadah puasa supaya ia tidak menjadi keberatan apabila tibanya bulan Ramadan nanti.

Amalan berpuasa sunat ini bolehlah dianggap sebagai satu amalan yang agak sukar kerana ia benar-benar menguji ketahanan mental, emosi dan fizikal seseorang. Bagaimanapun, inilah antara amalan yang banyak ganjarannya jika dilakukan dalam bulan ini. Imam al-Bukhari *rahimahullah* meriwayatkan hadis daripada Aisyah *radiallahu anha* katanya :

((... فَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَكْمَلَ صِيَامَ شَهْرٍ إِلَّا  
رَمَضَانَ وَمَا رَأَيْتُهُ أَكْثَرَ صِيَاماً مِنْهُ فِي شَعْبَانَ ))

**Maksudnya :** ... *Maka tidaklah aku melihat baginda *sallallahu alaihi wasallam* berpuasa selama sebulan melainkan pada bulan Ramadan, dan tidaklah aku melihat baginda *sallallahu alaihi wasallam* memperbanyakkan puasa melainkan pada bulan Sya'ban.*

(*Hadis riwayat Imam al-Bukhari*)

Ini bertepatan juga dengan sabda Rasullullah *sallallahu alaihi wasallam* apabila ditanya tentang bulan selepas Ramadan yang lebih afdal berpuasa". Nabi *sallallahu alaihi wasallam* menjawab dengan sabdanya yang bermaksud : "Bulan Syaaban kerana untuk mengagungkan Ramadan". Nabi *sallallahu alaihi wasallam* ditanya

lagi, “Sedekah apakah yang paling afdal?”. Nabi sallallahu alaihi wasallam menjawab, “Sedekah di bulan Ramadan.”

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

**Kedua** : Qiyamullail dengan melakukan solat-solat sunat seperti solat sunat tahajjud, bacaan al-Quran, zikir dan doa terutama pada malam *Nisfu Syaaban*. Inilah masa yang sesuai untuk diperbanyakkan berdoa memohon supaya diberi keampunan dan kerahmatan daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Imam al-Syafi'i *rahimahullah* pernah berkata tentang kelebihan malam Nisfu Syaaban dengan kata-katanya:

*“Telah sampai kepada kami bahawa doa akan dimakbulkan pada lima malam, iaitu malam Jumaat, malam hari raya Idil Adha, malam hari raya Idil Fitri, awal malam di bulan Rejab dan malam Nisfu Syaaban.”*

Imam Ibnu Rajab al-Hanbali *rahimahullah* pula berkata:

*“Malam Nisfu Syaaban, para Tabi'in daripada kalangan penduduk Syam mengagungkannya dan bersungguh-sungguh menunaikan ibadah pada malam tersebut. Mereka mendirikan solat-solat sunat di dalam Masjid pada malam Nisfu Syaaban.”*

**Ketiga** : Memperkuatkan tali silaturrahim sesama manusia. Hubungan sesama manusia amatlah penting kerana ianya bersangkutan dengan hubungan manusia dengan Allah *subhanahu wata'ala*. Leraikanlah apa-apa permusuhan sesama kita dan saling bermaafanlah kerana Allah *subhanahu wata'ala* tidak akan

mengampunkan dosa manusia sesama manusia selagi mereka tidak bermaafan. Sucikan diri dari perasaan dendam dan dengki sesama muslim sebelum tibanya Ramadan supaya amal ibadah pada bulan yang berkat ini dapat dirasai kemanisannya.

**Keempat** : Beristiqamah melaksanakan amal ibadah dan kebajikan. Amal ibadah yang dilakukan secara berterusan akan menjadikan jiwa kita sentiasa tetap dengan pendirian. Beristiqamah membawa maksud sentiasa melakukan amal ibadah tersebut walaupun hanya sedikit atau sekejap masa yang diambil untuk melaksanakannya. Dari pada Aisyah *radiallahu anha* katanya :

سُئِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : "أَيُّ الْأَعْمَالِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ؟" قَالَ : أَدْوَمُهَا وَإِنْ قَلَّ. وَقَالَ : أَكْلَفُوا مِنَ الْأَعْمَالِ مَا تُطِيقُونَ

**Maksudnya:** Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* pernah ditanya, "Apakah amalan yang paling disukai oleh Allah ?". Baginda *sallallahu alaihi wasallam* bersabda : ((Amalan yang dilakukan secara konsisten (*istiqamah*) walaupun sedikit)). Kemudian baginda *sallallahu alaihi wasallam* meneruskan sabdanya: ((Beramallah sesuai dengan kemampuan kamu)).

(*Hadis riwayat Imam al-Bukhari*)

**Kelima** : Memperbanyak permohonan keampunan daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Ramai yang tidak menyedari bahkan alpa dengan segala dosa yang dilakukannya saban waktu. Dosa yang dilakukan semakin hari semakin bertambah terutamanya dosa-dosa kecil yang datang dari perbuatan manusia sama ada melalui

percakapan, penulisan, penglihatan, pendengaran dan tingkah laku. Semua dosa ini sebenarnya telah menjadi titik-titik hitam di dalam hati yang menyebabkan hati menjadi semakin keras. Lebih membimbangkan, hati akan jauh dari petunjuk Allah *subhanahu wata'ala*. Perbanyakkan berdoa dan memohon ampun daripada Allah *subhanahu wata'ala* selagi pintu keampunan itu masih terbuka. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Hud, ayat 3:

وَإِنْ أَسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُتَعَفَّفُ عَنْ حَسَنَاتِهِ إِلَى آجَلٍ مُسَمَّى  
وَيُؤْتَ كُلَّ ذِي فَضْلٍ فَضْلَهُ وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابًا يَوْمٍ  
كَبِيرٍ (٣)

**Maksudnya:** “Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhan kamu, kemudian bertaubatlah kepada-Nya; supaya Ia memberi kamu kesenangan hidup yang baik hingga ke suatu masa yang tertentu, dan Ia akan memberi kepada setiap orang yang ada kelebihan akan kelebihannya itu; dan jika kamu berpaling maka sesungguhnya aku bimbang kamu akan beroleh azab hari Kiamat yang besar.”

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, marilah sama-sama kita menghayati beberapa perkara berikut sebagai rumusan khutbah pada hari ini, antaranya:

**Pertama :** Kita hendaklah mengambil peluang keemasan pada bulan yang mulia ini dengan melakukan sebanyak mungkin ibadah

kepada Allah *subhanahu wata'ala* untuk mencari keredaan Allah *subhanahu wata'ala* dan mendekatkan diri kepada-Nya.

**Kedua** : Sentiasalah berusaha untuk memperbaiki hubungan kekeluargaan dan persaudaraan sesama umat Islam bagi memperolehi keberkatan dan kerahmatan daripada Allah *subhanahu wata'ala*.

**Ketiga** : Gunakanlah kesempatan sementara kita masih bernyawa, masih sihat, bertenaga dan ada peluang, untuk melakukan muhasabah diri, sentiasa bertaubat kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan membuat penilaian prestasi amalan setiap hari, apakah amalan dan tingkah laku kita dengan Allah *subhanahu wata'ala* dan hubungan sesama manusia selari dengan al-Quran dan al-Sunnah?

Akhirnya, marilah sama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-An'am, ayat 122 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
أَوَمَنْ كَانَ مَيْتًا فَأَحْيَنَاهُ وَجَعَلْنَا لَهُ نُورًا يَمْشِي بِهِ فِي الْأَنَاسِ كَمَنْ مَثَلُهُ،  
فِي الظُّلْمَاتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِنْهَا، كَذَلِكَ زُيْنَ لِلْكُفَّارِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

**Maksudnya:** “Dan adakah orang yang mati, kemudian Kami hidupkan dia semula, dan Kami jadikan baginya cahaya (iman) yang menerangi untuk ia berjalan dengan suluhan cahaya itu dalam masyarakat manusia, sama seperti yang tinggal tetap di dalam gelap-gelita (kufur), yang tidak dapat keluar daripadanya? Demikianlah diperlihatkan pula pada pandangan orang kafir itu akan keelokkan apa yang mereka telah lakukan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلاؤتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِ  
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلٰهَ اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّمَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِنَّمَا يَقُولُونَ اللّٰهُ حَقٌّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pada musim hujan ini, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya banjir di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, teruskanlah mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikanlah apa yang kita makan bukan setakat ianya bertanda halal dan seumpamanya bahkan pastikan juga sumbernya adalah halal agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى :

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْرَانَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ بَدِدْ شَمَلَهُمْ وَفَرَقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتَّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلَّ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلَطْ عَلَيْهِمْ كُلُّا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّاُرْ يَا جَبَّاُرْ، يَا مُنْتَقِمْ، يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, lindungilah dan selamatkanlah anak-anak, keluarga, dan saudara mara kami dari terjebak dengan penyalahgunaan dadah serta peliharaalah masyarakat, negeri dan negara kami daripadanya.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit

dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسَانُ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.